

MPK buru pemilik premis culas cukai

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), mempertingkatkan mengesan pemilik premis yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran melebihi satu tahun dalam usaha menyelesaikan tunggakan yang kini berjumlah RM12 juta.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Izad Zainal Muhammad Safian berkata, justeru lebih banyak operasi akan dilaksanakan dan pihak terbabit diharap lebih peka menjelaskan bayaran cukai ditetapkan.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sudah memberi peluang kepada mereka dengan menghantar notis sebelum tindakan tegas seperti sitaan dilakukan.

“Saya harap orang ramai akan lebih prihatin terhadap tanggungjawab masing-masing

menjelaskan cukai taksiran tertunggak bagi mengelak dikenakan tindakan,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Baru-baru ini, sebuah syarikat berdepan tindakan MPK apabila mempunyai tunggakan cukai taksiran berjumlah RM21,400 sejak dua tahun lalu.

Berdasarkan rekod MPK, syarikat itu yang menguruskan 10 pangsapuri gagal menjelaskan cukai berkeenaan walaupun beberapa kali notis dikeluarkan.

Izad Zainal berkata, antara alasan diberikan adalah terlepas pandang dan berjanji akan menjelaskannya secepat mungkin.

“Oleh kerana mereka berjanji membayar tunggakan itu, kita memberikan tempoh dan harap mereka berbuat demikian,” katanya.

18/05/2017
Harian Metro